



UCAPAN ALUAN OLEH
YANG BERBAHAGIA DATUK Ir. AHMAD 'ASRI ABDUL HAMID
KETUA EKSEKUTIF CIDB MALAYSIA

30 MEI 2023

MAJLIS PERASMIAN
SEMINAR BANDAR RENDAH KARBON MEMACU MALAYSIA
MADANI "MEREALISASIKAN PERBANDARAN SIFAR KARBON
MENJELANG TAHUN 2050"

ANJURAN

PEJABAT PROJEK ZON SELATAN, JABATAN PERANCANGAN
BANDAR DAN DESA BERSAMA CIDB MELAKA

Terima kasih tuan/puan Pengacara Majlis,

Yang saya hormati

Yang Berusaha TPr Dr. ALIAS BIN RAMELI

KETUA PENGARAH

PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Yang Berusaha Town Planner Abdulhan bin Abd. Lamit

Pengarah Pejabat Projek Zon Selatan

Jabatan Perancangan Bandar & Desa (PLANMalaysia);

Yang Berusaha Puan Alinda binti Puteh

Pengarah CIDB Negeri Melaka;

Yang Berusaha TPr Chau Loon Wai

Pensyarah Kanan Fakulti Alam Bina dan Ukur

Universiti Teknologi Malaysia;

Yang Berusaha TPr Rozaidi bin Mahat

Pengarah Jabatan Perancang Bandar

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya;

Yang Berusaha Ts. Fuhairah binti Ahmad Fuad

Pengurus Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Alam Sekitar dan Kualiti
(SHEQ), CIDB Malaysia;

Yang Berusaha Puan Baiyinah binti Haji A Talip

Penolong Pengurus

Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd;

Yang Berusaha Puan Ngoh Wan Fei

Pengarah

Greenscapes Sdn.Bhd;

Seterusnya Yang Saya Hormati,

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan para hadirin
sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

1. Hari ini, kita hadir untuk sama-sama menjayakan seminar bertajuk Bandar Rendah Karbon Memacu Malaysia Madani “Merealisasikan Perbandaran Sifar Karbon Menjelang Tahun 2050”.

2. Seminar ini merupakan satu platform penting bagi kita untuk memberi perkongsian, membuka minda dan merangka langkah ke hadapan dalam merealisasikan visi Perbandaran Rendah Karbon 2050.

3. Perbandaran Rendah Karbon bukan sahaja merupakan satu idea atau konsep semata-mata. Ia merupakan asas bagi pembangunan bandar lestari di mana elemen hijau dan pengurangan karbon menjadi teras kepada penyediaan infrastruktur dan amalan masyarakatnya untuk mengurangkan kesan terhadap perubahan iklim. Dengan memanfaatkan sumber secara efisien dan mengurangkan pembaziran, kita akan melangkah ke arah masyarakat yang mampan dan harmoni dengan alam sekitar.

4. Dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi yang pesat, perancangan dan pembangunan bandar yang mampan serta transformasi kepada bandar rendah karbon bukanlah sekadar satu keperluan, tetapi juga peluang. Melalui pendekatan ini, kita dapat mencapai pembangunan ekonomi hijau tempatan yang mampu bertahan

untuk jangka panjang. Pelaburan dalam bandar rendah karbon akan membawa kepada peningkatan peluang pekerjaan serta menarik pelaburan domestik dan antarabangsa. Ia bukan sahaja melibatkan sektor awam, tetapi juga sektor swasta dan masyarakat secara keseluruhannya.

5. Namun, kita juga perlu sedar bahawa pembangunan bandar atau urbanisasi merupakan punca utama pelepasan gas rumah kaca atau *Greenhouse Gas* (GHG) yang menyumbang kepada masalah perubahan iklim global. Aktiviti seperti pengangkutan, perindustrian, dan pembuatan dalam kawasan bandar telah memberikan kesan yang besar terhadap perubahan iklim.

6. Oleh itu, bagi mencapai matlamat Perbandaran Rendah Karbon 2050, kita perlu bergerak seiring dengan tonggak pertama dalam konsep 'Malaysia Madani' iaitu Kemampanan.

7. Bandaraya rendah karbon didefinisikan sebagai bandaraya yang mempunyai strategi, pelan, dan matlamat khusus mengenai bagaimana mengurangkan pelepasan gas rumah kaca atau *Greenhouse Gas* (GHG) *Emissions* yang merangkumi semua sektor yang berpotensi melepaskan gas rumah kaca di dalam sempadan bandaraya tersebut.

8. Pelepasan gas rumah kaca Malaysia telah meningkat dalam beberapa tahun terakhir, dan kini negara ini berada di tangga ke-45 di dunia dari segi jumlah pelepasan keseluruhan. Kerajaan Malaysia mensasarkan pelepasan GHG sifar bersih seawal-awalnya pada tahun 2050. Ini memerlukan strategi jangka masa panjang pembangunan rendah karbon (*Long-Term Low Emissions Development Strategy/LT-LEDS*) yang akan membantu merangka langkah-langkah konkrit dalam mengurangkan pelepasan GHG secara berterusan dan bersepadu.

9. Menurut MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM, YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD di dalam ucapan beliau di Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2022, Malaysia mencatat pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) sebanyak 209,214 tan karbon dioksida setara pada tahun lalu. Menurut beliau lagi, inisiatif perbandaran rendah karbon telah mencapai jumlah penyerapan karbon sebanyak 29,622 tan karbon dioksida bersamaan dengan penanaman 5.2 juta batang pokok!

10. Perancangan dan pembangunan bandar rendah karbon perlu mengambil kira komponen bangunan dan infrastruktur yang merupakan

dua komponen penting bagi pembentukan bandar yang lestari dan rendah karbon.

11. Kami di CIDB, mewakili Kementerian Kerja Raya mengakui kepentingan ini dan terus menggalakkan pembinaan mampan yang mengambil kira keseluruhan kitar hayat sesuatu projek daripada peringkat perancangan sehingga perobohan projek yang merangkumi fasa rekabentuk, pembinaan, pengoperasian dan penyelenggaraan.

12. Dalam konteks ini, MyCREST (*Malaysian Carbon Reduction & Environment Sustainability Rating Tool*) adalah sebuah skim penarafan milik kerajaan Malaysia yang menjadi pelopor bagi skim penarafan yang menggabungkan elemen kemampuan dengan pengurangan pelepasan gas rumah kaca yang paling komprehensif dalam kriteria-kriteria penilaiannya.

13. Skim penarafan yang dioperasikan oleh CIDB ini telah siap dibangunkan bersama pemegang-pemegang taruh yang melibatkan pihak kerajaan dan swasta pada tahun 2015 dan dirasmikan pada 12 Mei 2016 oleh YB Timbalan Menteri Kerja Raya.

14. Skim penarafan ini boleh digunakan oleh projek-projek kerajaan dan swasta, dan merupakan langkah proaktif dalam menyokong dasar pengurangan gas rumah kaca negara menjelang tahun 2030 serta Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Negara (NLCCM).

Para hadirin yang saya hormati,

15. Pada petang ini, kami berbesar hati untuk menghadirkan perkongsian mengenai bangunan mampan yang telah berjaya mendapatkan pensijilan MyCREST. Ini adalah langkah ke hadapan yang bererti dalam mewujudkan bandar rendah karbon yang berkualiti tinggi.

16. Selain itu, kami juga ingin menghadirkan perkongsian mengenai salah satu projek infrastruktur yang telah mendapat penarafan melalui Sustainable INFRASTAR. Sustainable INFRASTAR merupakan skim penarafan projek-projek infrastruktur pertama di Malaysia yang bersifat generik kepada kepelbagaian jenis projek-projek infrastruktur.

17. Dengan penekanan pada kelestarian dan kesan rendah karbon, skim ini boleh digunakan dalam pelbagai projek seperti jalan, jambatan, jeti, perparitan, empangan, utiliti air, fasiliti sisa buangan, telekomunikasi, janakuasa, dan pelbagai jenis projek infrastruktur lain. Penarafan melalui

Sustainable INFRASTAR membantu memastikan bahawa projek-projek infrastruktur yang dibangunkan mematuhi piawaian kelestarian dan menyumbang kepada pengurangan emisi karbon secara berkesan.

Para hadirin sekalian,

18. Seminar ini akan menjadi peluang berharga bagi pihak berkepentingan dari industri pembinaan untuk berkongsi pengalaman dan pandangan mereka mengenai pembinaan rendah karbon. Seminar ini juga dijangka meningkatkan kesedaran tentang kepentingan mengurangkan pelepasan karbon dari industri pembinaan dan dijangka mendorong lebih banyak pihak berkepentingan untuk mengamalkan amalan pembinaan rendah karbon.

19. Akhir kata, ucapan terima kasih tidak terhingga saya dahulukan kepada semua pembentang pada hari ini, atas kesudian berkongsi pengalaman dan pandangan pakar (*expert view*) yang bermanfaat buat semua hadirin.

20. Saya mengharapkan bahawa seminar ini akan menjadi wadah yang produktif untuk saling belajar dan berkolaborasi, serta menghasilkan

rekomendasi dan strategi yang dapat kita terapkan dalam membangun masa depan yang mampan dan rendah karbon.

Semoga seminar ini menjadi langkah yang nyata dalam mewujudkan Perbandaran Rendah Karbon 2050.

Terima kasih, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.